

# Panduan Pembentangan Bersemuka

## A) MAKLUMAT UMUM

1. Pembentang boleh menyemak slot pembentangan mereka pada jadual pembentangan yang terdapat dalam laman web rasmi 7<sup>th</sup> NPreUS 2024.
2. Semua pembentang **DIWAJIBKAN** untuk menyerahkan slaid pembentangan anda kepada pihak penganjur. Slaid ini akan dimainkan semasa sesi pembentangan.
3. Jadual Pembentangan untuk semua pembentangan akan dimuat naik di laman web rasmi 7<sup>th</sup> NPreUS 2024 menjelang tarikh persidangan. Pembentang dinasihatkan untuk menyemak slot hari, waktu pembentangan. Harap maklum bahawa jadual pembentangan adalah muktamad dan sebarang perubahan hanya akan dilakukan bagi tujuan kelangsungan urusan pentadbiran sahaja. Dimaklumkan juga bahawa sebarang permintaan untuk perubahan slot pembentangan tidak akan dilayan. Ini kerana layanan individu akan menghalang kelancaran urus tadbir pihak penganjur atas sebab jumlah kertas pembentangan yang banyak.
4. Sebarang perubahan jadual akan diumumkan di laman web rasmi Persidangan NPreUS 2024 melalui **Jadual Pembentangan**. Oleh itu, sila rujuk halaman Jadual Pembentangan dengan kerap bagi mendapatkan maklumat terkini.
5. Pembentang akan diperuntukkan masa selama 10 minit untuk pembentangan dan 5 minit untuk sesi soal jawab. Bagi

memastikan kelancaran sesi selari, pembentang dinasihatkan untuk mematuhi tempoh masa yang telah diperuntukkan.

## B) PANDUAN TEKNIKAL


1. Pastikan maklumat dalam slaid seperti tajuk pembentangan, nama pembentang dan nama institusi/organisasi di halaman pertama slaid anda.
2. Anda juga dinasihatkan supaya berhati-hati dengan hak harta intelek atau hak undang-undang pihak lain untuk membuat slaid pembentangan. Pastikan sumbernya diakui jika perlu.
3. Muzik latar adalah tidak dibenarkan melainkan ia adalah sebahagian daripada kajian anda.
4. Pembentangan boleh dilakukan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu berdasarkan abstrak/kajian anda.

## C) PLATFORM MESYUARAT

1. Pembentang harus berada di lokasi pembentangan sekurang-kurangnya 10 minit sebelum slot anda bermula seperti yang dipaparkan dalam Jadual Pembentangan.
2. Maklumkan kehadiran anda kepada moderator.

D) SESI SOAL JAWAB

1. Sejurus selepas pembentangan, anda akan dijemput untuk menjawab soalan di dalam sesi soal jawab. Oleh dengan demikian, anda diminta untuk terus berada dalam bilik pembentangan sehingga selesai.
2. Sesi soal jawab ini juga akan dikendalikan secara langsung oleh moderator.
3. Masa yang diperuntukan untuk sesi soal jawab adalah kurang daripada 5 minit sahaja. Sekiranya peserta mempunyai soalan tambahan, mereka digalakkan untuk bertanya terus kepada pembentang selepas sesi pembentangan tersebut selesai.



## E) PAUTAN PENGHANTARAN SLAID PEMBENTANGAN

1. Slaid pembentangan boleh di muat naik melalui pautan *Google Drive* yang telah disediakan mengikut bilik selari yang telah ditetapkan. Sila rujuk jadual pembentangan.
2. Sila namakan slaid tersebut dalam format "No. ID Kertas | Nama Penuh".

Contoh: **01 | NUR FADHLINA**

**UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**  
جامعة الإسلام في ولاية سلانجور  
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY  
DU06318)

*Peneraju Tradisi Ilmu*  
The Leaders of Knowledge Traditions

Ruj. Kami: UIS.PM.100-31/3/NPreUS2024/Prosiding/Abstrak (01)  
Ruj. Tuan:  
Tarikh: 2 Julai 2024 (14 Zulhijjah 1445H)

**PUAN NUR FADHLINA BINTI MOHAMAD ZABIDEY**

**Rujuk Nombor ID anda disini.**

**National Pre-University Seminar**

AMIRAN BERSAMA  
PELAN WAKILAWAL  
KUISCELL  
CPS  
UIS  
GEMILANG

PENAJA SEMINAR: **CHINA DAN JAWA CORPORA**

14 OGOS 2024

BANGI RESORT HOTEL

3. Sekiranya pembentag menghadapi masalah dalam memuat naik slaid pembentangan, sila berhubung dengan urusetia untuk mendapatkan bantuan.

-Tamat-